

11 JAN 2003

Samy-India/I

MALAYSIA AKAN T/TANGAN LEBIH BANYAK PERJANJIAN DENGAN INDIA

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu akan melakukan lawatan seminggu ke empat negeri di India, mulai esok bagi menandatangani beberapa perjanjian projek untuk syarikat-syarikat Malaysia yang diketuai Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Beliau akan melawat Jharkhand, Kerala, Karnataka dan Tamil Nadu.

Samy Vellu yang kini berada di New Delhi untuk menghadiri Persidangan Diaspora Global yang berakhir hari ini, akan berlepas ke Ranchi, ibu negeri Jharkhand di timur laut esok bagi membincangkan beberapa projek dengan Ketua Menteri Babu Lal Marandi.

Antara projek itu ialah pembinaan bandar pentadbiran yang baru yang mengikut model Putrajaya. Lawatan ke Jharkhand merupakan susulan kepada lawatan ketua menteri berkenaan ke Malaysia bulan lepas.

Di Kerala, Samy Vellu akan mengadakan perbincangan dengan Ketua Menteri A.K.Antony yang antara lain bagi menjayakan projek laluan ekspres Sabarimala sejauh 58 km dan Skim Bekalan Air Cochin.

Samy Vellu juga akan berucap pada Mesyuarat Pelabur Global 2003 di bandar Cochin.

Di Chennai, ibu negeri Tamil Nadu, Samy Vellu akan mengadakan perbincangan dengan Ketua Menteri, J.Jayalalitha, yang antara lain membabitkan pembinaan pusat pentadbiran baru serta projek pembangunan Pantai Marina.

Samy Vellu dijadual pulang pada 19 Jan.

Syarikat-syarikat Malaysia kini menjayakan beberapa projek pembinaan di India yang bernilai RM11.6 bilion.

India terus menjadi rakan dagang terbesar Malaysia di Asia Selatan dengan jumlah perdagangan dua hala bagi tempoh enam bulan pertama tahun Lepas bernilai RM4,171 juta atau US\$1,098 juta.

Kali terakhir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat India ialah pada 16 dan 17 Okt lepas.

-- BERNAMA

ES AZZ LAT